

UNIT 4

TUMBUH - TUMBUHAN


NOTA RINGKAS

Gerak Balas Tumbuh-tumbuhan

Bahagian	Rangsangan			
	Cahaya matahari	Air	Graviti	Sentuhan
Pucuk	✓			
Daun				✓
Akar		✓	✓	

Fotosintesis

- Fotosintesis ialah proses tumbuhan membuat makanan sendiri.
- Rajah di bawah menunjukkan keperluan proses fotosintesis.



3 Hasil proses fotosintesis



- Tenaga daripada cahaya matahari digunakan oleh tumbuhan untuk menukar karbon dioksida dan air kepada glukosa dan oksigen.
- Glukosa (sejenis gula ringkas) terhasil dan digunakan oleh tumbuhan sebagai makanan dan sumber tenaga.
- Glukosa ini membentuk kanji yang tersimpan dalam bahagian tumbuhan iaitu biji benih, daun, bunga, buah, akar, batang.
- Gas oksigen dibebaskan ke udara sekeliling melalui liang stoma yang terdapat pada daun.

4 Kepentingan fotosintesis

- Tumbuh-tumbuhan dapat membuat makanannya sendiri.
- Tumbuh-tumbuhan menjadi sumber makanan kepada manusia dan haiwan.
- Tumbuh-tumbuhan membekalkan gas oksigen untuk bernafas kepada manusia dan haiwan.
- Tumbuh-tumbuhan membantu mengekalkan keseimbangan udara dan ekosistem.